

KERATAN AKHBAR

JUDUL : MALAY NEWS

TARIKH : 13 Julai 2025

SITASI :

M/S :

Hassan, G. U. (2025, July 13). *Tawar lebih 35 aktiviti menarik! Sambutan Minggu Perpaduan 2025 bakal meriahkan Batu Kawan*. Malay News- Malaysian Newspapers From Kuala Lumpur. <https://www.malay.news/tawar-lebih-35-aktiviti-menarik-sambutan-minggu-perpaduan-2025-bakal-meriahkan-batu-kawan/>

MALAY.NEWS

Home | National | States News | Showbiz |

Social Media

Tawar lebih 35 aktiviti menarik! Sambutan Minggu Perpaduan 2025 bakal meriahkan Batu Kawan



July 13, 2025 | 9:04 pm



Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang bakal menjadi tumpuan rakyat Malaysia dari 17 hingga 20 Julai ini sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 yang menawarkan lebih 35 aktiviti menarik untuk semua lapisan masyarakat.

Sambutan Minggu Perpaduan tawar lebih 35 aktiviti menarik

Difahamkan, acara anjuran **Kementerian Perpaduan Negara** ini bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 19 Julai (Sabtu) jam 10.30 pagi.

Bertemakan "*Harmoni Dalam Kepelbagaian*", program ini bertujuan merapatkan jurang perbezaan dan memupuk semangat kebersamaan rakyat pelbagai kaum.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**17-20
JULAI 2025
(KHAMIS-AHAD)**

PEKARANGAN STADIUM
NEGERI PULAU PINANG,
BATU KAWAN.

**Sambutan MINGGU
PERPADUAN 2025
PERINGKAT KEBANGSAAN**

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

SAKAN STRATEGIK:

Langkawi, Asean, Malaysia Madani, Penang 2030

Lebih 35 aktiviti menarik termasuk pameran, aktiviti sukan, jualan dan banyak lagi

Antara aktiviti yang akan memeriahkan sambutan termasuk pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Perkampungan Etnik Kadazan Dusun dan Orang Asli, pameran Malaysia Tanah Airku, Susur Masa, jualan MADANI, pesta durian, Food Unites, serta jualan produk usahawan tempatan.

Turut diadakan ialah Larian Uniti, sukan tradisional, e-sukan, pertandingan boria terbuka, peragaan busana tradisional, pertandingan tarian etnik sekolah rendah, Pesta Buku Pulau Pinang, Kembara Ilmu dan Wayang Pacak.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sambutan **MINGGU PERPADUAN 2025**
PUNJUNG KEBANGSAAN

JUALAN MADANI

17-20 JULAI 2025
(KHAMIS-AHAD)

PEKARANGAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN.

SEHINGGA **20%**

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

MEMASUKKAN QR UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT PROGRAM

SAKSI STRATEGIK:

ASEAN BRILIAN 2025 MALAYSIA MADANI MALAYSIA BERSEKUTUAN Zuhdi Azhar PENANG 2030

Boleh nikmati diskaun bayaran saman dan kompaun

Menambah nilai kepada acara ini, rakyat boleh menikmati diskaun saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), serta pengurangan kompaun oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang) MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Pameran agensi kerajaan serta aset keselamatan turut dijadualkan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TAWARAN

PENGURANGAN KOMPAUN

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

IMBAS KOD QR UNTUK SEMAKAN KADAR PENGURANGAN

IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN MARCUBAT PROSARAN

PEMBAYARAN SECARA WALK-IN SAHAJA

17-20 JULAI 2025 (KHAMIS-AHAD)

PEKARANGAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN.

10PAGI - 6 PETANG

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

RAKAH STRATEGIK

RSEAN

MALAYSIA MADANI

MALAYSIA.com

PENANG 2030

Artikel lain: [Menara KL disinari cahaya biru sempena Minggu Perpaduan Kebangsaan 2025](#)

Bagi acarak kemuncak pula, para pengunjung akan dimeriahkan oleh persembahan artis ternama seperti Dato' Awie, Stacy, Jaclyn Victor, Shila Zikir, Black Hanifah, Suki Low, Hijjaz dan Inteam.

Kanak-kanak juga boleh menonton persembahan istimewa Muzikal Didi & Friends, selain program pencarian bakat seperti Bintang Idol Perpaduan dan Battle of the Band.

Sambutan ini diharap menjadi simbol perpaduan rakyat Malaysia dan bukti bahawa keharmonian boleh diraikan dengan penuh semangat dan kebanggaan.